



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Berita Harian - Kos Projek EDTP Gemas-JB Lebih Rendah

Berita Harian - Kos Projek EDTP Gemas-JB Lebih Rendah

🕒 Khamis, Sep 27 2018



EDTP Gemas-JB
akan melalui
daerah Segamat,
Kluang, Kulai dan
JB, dijangka siap
pada Oktober 2021.

Kos projek EDTP Gemas-JB lebih rendah

BH 27/9

🔍 Pengurangan

akan berkurangan ekoran per-
saingan sengit dalam kalangan

Lumpur, semalam.

Projek EDTP Gemas-JB dia-

selebihnya adalah untuk pembi-
naan trek berganda dan sistem

20 peratus daripada nilai asal dibantu pengecualian SST

oleh Sharen Kaur
shbiz@nstp.com.my

Projek Landasan Berkembar Elektrik (EDTP) Gemas-Johor Bahru (JB) akan dibina dengan pengurangan kos sebanyak 20 peratus daripada nilai asal sebanyak RM9.43 bilion dibantu pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), demikian mengikut sumber.

Katanya, pengurangan kos bagi projek yang sebelum ini diperolehi syarikat China itu juga

kontraktor yang manu menda-patkan pakej kerja bagi laluan sepanjang 197 kilometer (km).

“Sebelum ini, kontraktor cuba mendapatkan kontrak untuk projek kereta api berke-lajuan tinggi Kuala Lumpur dan Singapura serta projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

“Tetapi kini memandangkan kedua-dua projek ini ditangguhkan dan sedang dise-mak semula oleh kerajaan, semua kontraktor terbabit kini berebut untuk mendapatkan kontrak EDTP Gemas-JB yang ketika ini satu-satunya projek kereta api terbesar di Malaysia.

“Susulan daripada itu berlaku persaingan sengit sehingga kontraktor tempatan merendahkan harga dalam usaha untuk memenangi projek berkenaan. Ini ditambah dengan pengecualian SST diberikan kerajaan kepada projek kereta api dibiayai kerajaan menjadikan keseluruhan kos akan berkurangan di antara 15-20 peratus,” katanya di Kuala

nugerankan kepada konsor-tium dari China terdiri daripada China Railway Construction Corp, China Railway Engineering Corp dan China Communication Construction Consortium Sdn Bhd pada Oktober 2016.

Babit landasan 197km

Usaha sama di antara YTL-SIPP kini adalah kontraktor turnkey penuh untuk projek berkenaan membabitkan nilai kontrak RM8.9 bilion. Kementerian Pengangkutan menganugerahkan kontrak itu kepada JT YTL-SIPP terdiri daripada Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn Bhd dan SIPP Rail Sdn Bhd pada Julai 2017.

Projek landasan berkembar elektrik Gemas-JB membabitkan jarak landasan sepanjang 197 kilometer termasuk stesen, depo, jambatan dan sistem elektrifikasi dan isyarat.

Bahagian kerja sivil untuk projek itu dianggarkan bernilai kira-kira RM6 bilion, manakala

keretapi.

Semalam, YTL-SIPP JV menganugerahkan kontrak bernilai RM399 juta kepada anak syarikat milik penuh Pestech International Bhd, Pestech Technology Sdn Bhd sebagai kontraktor EPC dan penyelenggaraan sistem elektrifikasi.

Sumber yang dekat dengan YTL-SIPP JV berkata syarikat usaha sama itu akan menganugerahkan lebih banyak kontrak kepada kontraktor tempatan dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

EDTP Gemas-JB, yang akan melalui daerah Segamat, Kluang, Kulai dan JB pada mulanya di-sasarkan akan siap pada tahun 2020.

Projek berkenaan kini di-jangka siap pada Oktober 2021. Ia ditangguhkan selama setahun akibat isu pemilikan tanah sepanjang laluan itu. Projek itu kini sedang dijalankan, dengan kira-kira 20 peratus kerja sedang berjalan.



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**